

28 SEP 2003

Syed Hamid-Bon/I

PENUBUHAN PASARAN BON ASIA SEDANG DIUSAHAKAN

Oleh: Salmy Hashim

NEW YORK, 28 Sept (Bernama) -- Dialog Kerjasama Asia (ACD), satu perkumpulan baru dengan 22 negara sedang berusaha ke arah membangunkan pasaran bon Asia, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar di sini, pada Sabtu.

Idea itu yang sedang diusahakan oleh India, satu daripada anggota perkumpulan itu disokong oleh anggota-anggota ACD. Rizab matawang Asia dianggarkan US\$1 trilion, katanya selepas menghadiri mesyuarat perkumpulan itu di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

ACD, yang bertemu buat pertama kali di Thailand pada Jun 2003 terdiri daripada semua negara anggota Asean, Bahrain, Bangladesh, China, India, Jepun, Korea Selatan, Pakistan dan Qatar.

Empat lagi negara lain yang baru menyertai perkumpulan itu ialah Sri Lanka, Oman, Kazakhstan dan Kuwait. Mesyuarat berikut perkumpulan itu ialah pada Jun 2004 di China.

Syed Hamid berkata, perkumpulan itu merupakan satu medium bagi dialog antara negara-negara Asia yang terbabit dalam perbincangan politik, ekonomi, sosial dan kebudayaan. Ia perkumpulan berasaskan projek yang menggalakkan sebuah negara atau sekumpulan negara menjadi pendorong utama sesuatu projek.

Sementara India mencadangkan projek pasaran bon Asia, Malaysia pula melangkah ke depan dengan satu seminar e-Pendidikan; sementara Bahrain, Filipina dan India akan muncul dengan bengkel mengenai keselamatan.

Ini bukan satu pertubuhan atau institusi, tetapi satu dialog dan kerjasama berasaskan kepada projek, kata Syed Hamid.

Sementara itu, Menteri Luar itu berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mengesahkan hasrat beliau untuk menghadiri Sidang Kemuncak Ketua-ketua Asean di Bali dari 6 hingga 8 Okt.

Sidang Kemuncak Bali, merupakan ulangannya Konkord Asean yang ditandatangani di Bali 17 tahun yang lepas iaitu pada 24 Feb, 1976. Satu konkord lebih kurang sama dijangka dikeluarkan untuk mengulangi komitmen Asean bagi pembentukan masyarakat keselamatan, ekonomi dan sosial Asean, kata Syed Hamid.

Deklarasi yang akan dikeluarkan akan menunjukkan Asean telah matang, tahap keyakinannya telah meningkat dan juga saling kepercayaan antara negara-negara anggota adalah lebih baik, kata beliau lagi.

Antara isu yang akan dibincangkan di persidangan itu ialah masalah di Semenanjung Korea, Asia Barat dan kegagalan mesyuarat Pertubuhan Perdagangan dunia di Cancun, Mexico. Asean Campur 3 (China, Korea Selatan dan Jepun) dan juga mesyuarat pemimpin-pemimpin Asean Campur 1 (India) akan diadakan pada 8 Okt.

Perjanjian rangka kerja mengenai Kerjasama Ekonomi Kompetitif akan ditandatangani antara Asean dan Jepun, dan antara Asean dan India.

Asean dan China dijangka menandatangani satu deklarasi mengenai pembinaan Perkongsian Strategik Bagi Keamanan dan Kemakmuran, satu kerjasama berbilang hala yang akan menguntungkan China dan kumpulan negara-negara Asia Tenggara.

-- BERNAMA

SH RBZ KHY PR